

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)32**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB AZMI BIN ALANG**

32. Kenaikan tarif air yang berganda daripada tahun-tahun lepas membebankan rakyat terutama golongan B40 dan miskin tegar.
- (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu golongan B40 dan miskin tegar dalam pembayaran bil mereka?
  - (b) Adakah wajar dinaikkan tarif air sedangkan rakyat semakin dibebani masalah perbelanjaan harian dan kewangan kekeluargaan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

32. (a) Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dalam membantu golongan miskin tegar dan B40 melunaskan bil mereka adalah dengan memberi rebat seperti berikut:
- (i) Rebate Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT);
  - (ii) Rebate Mesra Keluarga (RMK) bagi keluarga yang besar (8 orang ke atas);

- (iii) Kampung Loan (bayaran pendahuluan untuk sambungan meter dan paip air);
  - (iv) Rebat Kebocoran Air;
  - (v) Bayaran Ansuran; dan
  - (vi) Subsidi untuk pengguna domestik (2023: RM116.0 juta).
- (b) Bagi memastikan kualiti perkhidmatan dan kestabilan bekalan air di Pulau Pinang sentiasa terjamin, pihak penyedia perkhidmatan (PBAPP) perlu melabur dalam pembangunan infrastruktur. Justeru, peningkatan tarif air adalah diperlukan untuk memastikan PBAPP mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi untuk menampung keperluan operasi dan pembangunan yang telah dirancang, termasuk Pelan Kontingensi Air 2030 yang memerlukan pelaburan sebanyak RM1.18 bilion.